

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR
YBRS. PROFESOR DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN**

**UCAPAN
SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-23 UTeM DAN
PROGRAM ARAM RUMAMAI ARTS AND CULTURE FESTIVAL 2023**

1 Disember 2023 (Jumaat)
Dewan Canselor, UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SALUTASI

-Seperti di lampiran


1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan izinNya kita dapat berhimpun bersama-sama pada malam ini bersempena “**Sambutan Ulangtahun ke-23 UTeM dan Aram Rumamai: Arts & Culture Festival**”.
2. Selamat datang dan terima kasih saya ucapkan kepada seluruh hadirin sekalian ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan ke Melaka Bandaraya Bersejarah.

Sesungguhnya, kehadiran saudara dan saudari semua akan turut menambahkan lagi kemeriahinan program kita pada malam ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

3. Seperti yang kita semua sedia maklum, 1 Disember merupakan hari ulangtahun UTeM. Alhamdulillah pada tahun ini kita masih dipertemukan lagi dan berpeluang untuk bersama-sama meraikan ulangtahun UTeM yang ke-23 tahun. Sesungguhnya angka 23 ini bukanlah merupakan umur yang muda. Sebagai seorang manusia, 23 ini

merupakan umur yang matang di mana kita mampu untuk memikirkan baik buruk dan bertindak dengan lebih bijak. Begitu lah juga dengan UTeM. 23 tahun penubuhan bererti UTeM sepatutnya telah berada di satu tahap yang matang dan mampu untuk menempa nama di persada antarabangsa.

- 
4. Alhamdulillah sepanjang 23 tahun penubuhan UTeM terdapat pelbagai perkembangan yang dapat kita lihat. Salah satu nya adalah dari aspek pembangunan. Daripada awal penubuhannya di rumah kedai sehinggalah kini, UTeM telah

mempunyai satu kawasan persekitaran yang kondusif dengan pelbagai kemudahan yang disediakan khas buat para pelajar. Bukan itu sahaja, 23 tahun penubuhan UTeM akhirnya UTeM telah tersenarai dalam **QS World University Ranking**. Saya mengharapkan bahawa UTeM akan dapat berkembang dengan lebih pantas dan dapat mencapai satu kedudukan yang lebih tinggi.

5. Apa yang telah dicapai oleh UTeM pada hari ini bukanlah hasil daripada seorang nakhoda. Tetapi hasil kerjasama daripada semua warga UTeM yang tidak berputus asa

memberi usaha yang terbaik dalam memajukan UTeM. Tidak lupa juga pengorbanan staf UTeM yang telah berpencen dan pernah berkhidmat pada satu ketika dahulu. Diharapkan usaha gigih ini berterusan sehingga ke generasi yang akan datang.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

6. Pada malam ini juga, kita turut meraikan Program Aram Rumamai. Aram Rumamai merupakan istilah daripada etnik Iban (Sarawak) bagi perkataan “Aram” yang bermaksud Jom! Atau Mari! dan Rumamai daripada etnik Kadazandusun

(Sabah) yang membawa maksud “Berpesta”. Program ini dianjurkan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar supaya lebih memahami kebudayaan tradisional Malaysia khusunya Borneo serta mengeratkan silaturahim di antara mahasiswa dan mahasiswi yang berbilang kaum. Ianya merupakan ilham daripada perkataan Madani yang membawa maksud “Masyarakat dan Pembangunan Negara yang Berteraskan Ilmu dan Kebudayaan”. Justeru program ini bertepatan dengan konsep memperkenal, memperkasa serta menonjolkan kebudayaan masyarakat di Sabah dan

Sarawak yang terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik melalui acara kesenian dan kebudayaan seperti hari ini.

7. Seperti yang kita semua sedia maklum juga, Malaysia merupakan sebuah negara yang sangat kaya dengan tradisi dan kebudayaan. Kepelbagaian ini seharusnya diraikan kerana ianya merupakan keunikan yang menjadi tumpuan dan tarikan kepada negara-negara luar seterusnya dapat menarik kehadiran pelancong untuk hadir ke Malaysia dan Melaka khususnya. Secara tidak langsung, kepelbagaian ini

menjadi satu atribut utama dalam mempromosikan Melaka yang telah menjadikan 2024 sebagai tahun Melawat Melaka.

8. Oleh yang demikian, saya sentiasa menitikberatkan perpaduan di kalangan warga UTeM. Segala program dan aktiviti yang dianjurkan perlulah dirangka dan dirancang untuk disertai oleh semua etnik dan kaum yang terdapat di UTeM. UTeM sesungguhnya meraikan kepelbagaiannya untuk mencapai matlamat kita dalam memastikan UTeM menjadi Universiti Terkemuka di Dunia.

9. Saya tidak ingin berucap dengan lebih panjang. Cukuplah sama-sama kita saksikan sendiri kemeriahahan program yang merupakan kerja keras daripada Mahasiswa dan Mahasiswi UTeM. Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak penganjur atas inisiatif untuk menganjurkan **Sambutan Ulangtahun ke-23 UTeM dan Aram Rumamai: Art & Culture Festival.**

Sekian.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Wabillahitaufiq wal hidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.